



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 17 April 2026

Untuk Terbitan Media
17 April 2026

SIARAN MEDIA

TRAGEDI LINK KEDUA: WARIS MANGSA TERIMA PENCEN PENAKAT LEBIH RM2,500 SEBULAN

KUALA LUMPUR: Waris kepada penunggang motosikal yang terbabit dalam kemalangan maut di Iskandar Puteri ketika dalam perjalanan ke tempat kerjanya di Singapura, layak menerima beberapa faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan berkata, semakan PERKESO mendapati balu dan anak mangsa berusia setahun dua bulan layak menerima Pencen Penakat bulanan RM2,556.67, mengikut syer masing-masing yang akan mula dibayar dalam tempoh terdekat.

Katanya, balu mendiang yang ketika ini masih menerima rawatan di hospital turut berhak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM3,000 secara sekali bayar.

"Mendiang pernah bekerja di Malaysia sebelum memulakan kerjaya baharu di Singapura dalam tempoh kurang sebulan.

"Penelitian awal berdasarkan rekod caruman melalui majikan terdahulu mendapati mendiang mempunyai kelayakan penuh menerusi Skim Keilatan, justeru waris akan menerima Pencen Penakat di bawah LINDUNG Pekerja.

"Pencen bulanan ini akan dibayar seumur hidup kepada balu, manakala cahaya mata tunggal mendiang layak menerima faedah sama sehingga berusia 21 tahun atau tamat pengajian di peringkat ijazah pertama," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Ramanan turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan mendoakan agar balu mendiang yang kini sedang menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru akibat kecederaan parah akan segera sembuh.

Dalam pada itu, Ramanan menegaskan bahawa insiden kemalangan maut sedemikian dan ribuan kes sama sebelum ini membabitkan pekerja rentas sempadan, terutama dari Johor ke Singapura memberi gambaran getir terhadap risiko kemalangan dialami golongan berkenaan.

Menurutnya, ramai rakyat tempatan yang ketika ini mencari rezeki di Seberang Tambak tidak mempunyai perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh.

"Malah, mengikut statistik *Singapore Accident Help Centre (SAHC)* pada 2025, kira-kira seorang rakyat Malaysia terkorban setiap minggu akibat kemalangan semasa perjalanan pergi dan pulang daripada bekerja antara Malaysia serta Singapura.

“Lebih membimbangkan, semua 54 kemalangan maut pada yang direkodkan tahun lalu itu berada dalam ‘zon kelabu’, iaitu tidak dilindungi sepenuhnya oleh sistem keselamatan sosial sama ada di Malaysia mahupun Singapura.

”Dalam usaha menutup kelompangan perlindungan itu, KESUMA menerusi PERKESO bercadang memperluaskan LINDUNG Kendiri kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, dengan mewujudkan Skim Pengembara,” katanya.

Ramanan menjelaskan, inisiatif berkenaan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.6 juta rakyat Malaysia di Singapura, termasuk hampir 480,000 pekerja rentas sempadan harian, sekali gus memperkukuh jaringan keselamatan sosial negara selaras tekad PERKESO untuk melindungi semua.

Beliau menyifatkan bahawa usaha ke arah mewujudkan perlindungan sedemikian tidak boleh ditangguhkan lagi kerana ratusan ribu rakyat tempatan ibarat menyabung nyawa setiap kali memulakan perjalanan ke tempat kerja di seberang laut.

“Perlindungan melalui Skim Pengembara ini bukan sahaja meliputi kemalangan semasa bekerja di Singapura, malah merangkumi kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja serta insiden di laluan rentas sempadan.

“Justeru, Skim Pengembara perlu diwujudkan segera sebagai sebahagian daripada reformasi perlindungan sosial dan ketika ini, kertas cadangan berkenaan skim tersebut sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

17 April 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikliil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my